

PEMBANGUNAN MODAL INSAN MASYARAKAT INDIA DI MALAYSIA DALAM ANTOLOGI 'PERAVAI KATHAIKAL KE-29 - 32'

Mogeswaran s/o Aranthan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Email: aranthanmogeswaran@gmail.com

Manonmani Devi d/o M.A.R Annamalai
Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Email: devi_140768@yahoo.com

ABSTRAK

Pembangunan sumber manusia di sesebuah negara merupakan tunjang yang penting dari segi ekonomi, sosial dan politik. Pengenalpastian konsep modal insan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) adalah amat bersesuaian untuk membendung jenayah komersial yang berlaku sehingga kini. Modal insan yang dibincangkan dalam konteks ini merupakan modal insan berkualiti yang menjadi elemen utama bagi RMK-9. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek – aspek Pembangunan Modal Insan yang terdapat dalam antologi cerpen Peravai Kathaikal ke 29 - 32, menganalisis aspek – aspek Pembangunan Modal Insan yang ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam antologi cerpen Peravai Kathaikal ke 29 hingga 32 dengan menggunakan Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs dan mengupas cabaran masyarakat india di Malaysia untuk mencapai objektif pembangunan modal insan negara. Dalam analisis ini berfokus kepada teori maslow untuk menganalisis faktor-faktor dominan pembangunan modal insan yang terdapat dalam Antologi Cerpen Peravai Kathaikal edisi ke-29 hingga ke-32. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan analisis kandungan teks. Kaedah kepustakaan ini digunakan untuk menyelidik dan tafsir terhadap faktor-faktor dominan Pembangunan Modal Insan Dalam Antologi Cerpen Peravai Kathaikal serta teori-teori yang berkaitan dengan penyelidikan. Terdapat empat aspek utama pembangunan modal insan yang terdapat dalam Antologi Cerpen Peravai Kathaikal ke-29 hingga ke-32. Aspek – aspek tersebut ialah pendidikan, pendapatan yang stabil, peluang pekerjaan dan sosioekonomi. Sehubungan dengan itu, kajian ini menghuraikan Cerpen-cerpen dikaji bersifat mencerminkan kehidupan rakyat seperti mana yang ditegaskan oleh George Lukacs dalam Teori Sosiologi Model Pencerminan. Maka, pengkaji membuat kesimpulan bahawa cerpen-cerpen yang terdapat dalam Antologi Peravai Kathaikal yang ke-29 hingga ke-32 merupakan refleksi sosial yang telah berjaya memaparkan proses pembangunan modal insan yang wajar dilalui oleh masyarakat India di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, dapat dibuat rumusan bahawa hampir separuh daripada cerpen yang dikaji memaparkan cabaran telah dihadapi oleh masyarakat India di negara ini untuk mencapai objektif pembangunan modal insan. Hal ini menggambarkan bahawa cerpen yang dikaji merupakan hasil seni kesusasteraan yang mencerminkan kehidupan masyarakat.

Kata kunci: RMK-9, Modal insan, Peravai Kathaikal, Sosiologi, Cabaran

PENGENALAN

Pembangunan sumber manusia di sesebuah negara merupakan tunjang yang penting dari segi ekonomi, sosial dan politik. Pengenalpastian konsep modal insan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) adalah amat bersesuaian untuk membendung jenayah komersial yang berlaku sehingga kini. Modal insan yang dibincangkan dalam konteks ini merupakan modal insan berkualiti yang menjadi elemen utama bagi RMK-9. Menurut Ismahali (2008), pembangunan modal insan pula merupakan sesebuah proses berobjektif agar melahirkan jiwa yang memiliki ketaqwaan. Ketiadaan jiwa yang bertaqwa akan menyebabkan kebolehan akal dan fizikal menjadi lumpuh.

Oleh demikian, kajian ini akan menganalisis tentang aspek- aspek pembangunan modal insan dalam Antologi Cerpen Peravai Kathaikal ke-29 hingga ke-32. Proses pengaplikasian aspek- aspek pembangunan modal insan juga ditegaskan oleh pengkaji melalui beberapa cara kepada para pelajar tingkatan 4 dan 5. Melalui perkara ini, pengkaji berhasrat untuk mengenal pasti setakat mana rancangan ini boleh berfaedah kepada masa depan negara dan strategik positif yang akan dicerminkan dalam pembangunan aliran perdana nasional ketika masa yang akan datang.

LATAR BELAKANG

Menurut, Zulkifly Osman (2003), Malaysia menghadapi kekurangan penyertaan tenaga mahir dan tenaga buruh di kalangan rakyat tempatan. Beliau juga menyatakan, rakyat Malaysia menghadapi masalah kekurangan kemahiran dalam pelbagai sektor. Bagi mengenalpasti cara penyelesaian untuk masalah ini, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk mengkaji tentang konsep pembangunan modal insan yang telah dikemukakan dalam rancangan Malaysia kesembilan. Pengkaji juga percaya bahawa, melalui pembangunan modal insan, dapat melahirkan tenaga mahir dan tenaga buruh dengan lebih efektif. Oleh itu, Pengkaji telah menggunakan salah satu antologi tempatan, iaitu, antologi Peravai Kathaikal ke-29 hingga ke-32 sebagai bahan kajian. Sebab - sebab yang menyumbang kepada pembangunan modal insan yang digunakan oleh penulis-penulis dalam antologi tersebut akan dikaji dengan teliti bagi mengenalpasti sejauh manakah masyarakat malaysia telah memperolehi faktor-faktor dominan pembangunan modal insan.

PERNYATAAN MASALAH

Sumber tenaga kerja di Malaysia tidak dapat menampung permintaan tenaga kerja yang semakin meningkat. Hal ini membawa kepada kemerosotan taraf ekonomi negara lalu menjejaskan pembangunan negara. Selain itu, kehadiran tenaga kerja baru ke dalam pasaran buruh yang tidak terhad juga antara masalah yang menyebabkan pengkaji menjalankan kajian ini. Kekurangan tenaga kerja yang sangat ketara dalam sektor profesional, teknikal, perindustrian, pembinaan dan sebagainya telah menyebabkan perkara ini berlaku. Keadaan ini telah membawa kepada pelbagai impak yang negatif terhadap ekonomi dan sosial negara.

Tambahan pula, para pekerja baru kebanyakannya kurang berpengalaman dalam bidang mereka bekerja. Para graduan juga tidak mampu mengaplikasikan teori yang dipraktikkan ketika belajar di universiti dalam bidang pekerjaan. Hal ini mencerminkan kelemahan sistem pendidikan di peringkat universiti. Menerusi kelemahan ini, para pelabur mengeluarkan modal yang tinggi bagi melatih pekerja baru itu dari asas semula dan hal ini dilihat sebagai satu kerugian. Maka, para pelabur mengambil pekerja dari luar negara yang berpengalaman tinggi daripada pekerja baru tempatan. Perkara ini menyebabkan kadar pengangguran di Malaysia meningkat secara mendadak.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting disebabkan dapat mempertingkatkan kemampuan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk ideologi 'minda kelas pertama'. Masyarakat yang berilmu pengetahuan, memiliki daya saing yang tinggi serta budaya kerja yang cemerlang dan akhlak yang tinggi juga dapat dilahirkan. Kajian ini juga membolehkan kita menjadikan negara ini sebagai sebuah negara berdaya saing tinggi serta maju jika ciri-ciri pembangunan modal insan diaplikasikan dalam kehidupan. Tenaga muda merupakan golongan belia yang memiliki kebolehan yang sungguh bernilai untuk diperbangun. Golongan ini boleh bertindak sebagai benteng harapan yang membolehkan negara mara ke hadapan serta sumber penting bagi membentuk zaman dan kemajuan.

Kajian ini boleh juga mendedahkan sistem pendidikan kini yang melakukan perubahan yang lengkap terhadap latar belakang hidup, adat resam, dominasi ekonomi, kemajuan ilmu dan pendidikan, sains dan teknologi maklumat, media cetak serta elektronik dalam kalangan masyarakat Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif. Antara objektifnya adalah untuk:

1. Mengenal pasti aspek – aspek Pembangunan Modal Insan yang terdapat dalam antologi cerpen Peravai Kathaigal ke 29 - 32.
2. Menganalisis aspek – aspek Pembangunan Modal Insan yang ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam antologi cerpen Peravai Kathaigal ke 29 hingga 32 dengan menggunakan Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs.
3. Mengupas cabaran masyarakat india di Malaysia untuk mencapai objektif pembangunan modal insan negara.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menyelidik faktor-faktor dominan pembangunan modal insan Dalam Antologi Cerpen Peravai Kathaigal berdasarkan objektif-objektif kajian dalam kajian. Kajian kualitatif memberi kepentingan kepada perolehan makna untuk mengerti fenomena sosial. Kaedah penyelidikan yang diterapkan dalam kajian ini adalah kaedah mengenalpasti teks yang merangkumi identifikasi kandungan. Kaedah ini diaplikasikan untuk mengenal pasti dan menganalisis Antology Cerpen Peravai Kathaigal bagi aspek - aspek menyumbang pembangunan modal insan dan mengupas cabaran yang dihadapi oleh masyarakat india untuk mencapai objektif pembangunan modal insan negara. Akhirnya, data-data yang dikumpul pula akan dibahagikan dan disusun mengikut objektif kajian. Mengenal pasti aspek - aspek pembangunan modal insan yang terdapat dalam Antologi Cerpen Peravai Kathaigal dan menganalisis aspek - aspek pembangunan modal insan akan menerusi Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminan George Lukacs.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini menjawab objektif kajian secara terperinci. mengenalpasti aspek – aspek pembangunan, analisis aspek – aspek pembangunan modal insan, mengupas cabaran yang dihadapi oleh masyarakat india untuk mencapai objektif pembangunan modal insan.

Mengenalpasti Aspek – Aspek Pembangunan

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan Antologi Cerpen Peravai kathaigal 29 -32 sebagai bahan kajian aspek pembangunan modal dalam kaum india di Malaysia. Dalam analisis ini, tiga aspek utama pembangunan modal insan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 iaitu, Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah digunakan sebagai garis panduan. Aspek - aspek tersebut termasuk pendidikan dan kemahiran tinggi, pendapatan stabil, tahap sosioekonomi saksama dan peluang pekerjaan setimpal pendidikan. Empat aspek utama ini juga, telah diperhalus dengan beberapa elemen terperinci, seperti dalam jadual berikut;

Jumlah Elemen Mengikut Aspek (%)

Bil	Elemen terperinci	Aspek	(%)
1.	Masalah keciciran	Pendidikan dan kemahiran tinggi	22.2
2.	Peluang Pendidikan Tinggi		
3.	Kemiskinan	Pendapatan stabil	22.2
4.	Masalah penipuan		
5.	Tanggapan negatif	Peluang pekerjaan setimpal Pendidikan	22.2
6.	Terpedaya dengan kegiatan jenayah		
7.	Kesihatan	Sosioekonomi saksama	33.3
8.	Masalah rumah setinggan		
9.	D.A.R.V.I.H		

Jadual 1.1

Analisis Aspek – Aspek Pembangunan Modal Insan

Dalam kajian ini, dari segi konteks pendidikan, keciciran merujuk kepada tindakan seseorang kanak – kanak atau remaja meninggalkan proses pendidikan formal walaupun adanya kemudahan pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Cerpen ‘Vithiyinai Matrum Vithi Seivom’ yang terdapat dalam Antologi Cerpen Peravai Kathaigal ke-32 telah memaparkan masalah keciciran dalam kalangan masyarakat India pada 50-an sehingga kini. Seterusnya, Cerpen 'Nalaya Iravu' yang terdapat dalam Antologi Cerpen Peravai Kathaigal edisi ke-29 membincangkan aspek peluang pengajian tinggi. Dalam konteks pendapatan yang stabil, cerpen ‘Vithiyai Matrum Vithi Seivom’ berjaya memaparkan aspek kemiskinan. Di samping itu, cerpen ‘Sammuga Pullaruvigal’ pula membincangkan masalah penipuan yang dikenal pasti sebagai salah satu aspek pendapatan stabil. Cerpen 'Vali' merupakan cerpen Antologi Peravai Kathaigal ke-32 yang bertemakan pemikiran masyarakat India dalam mengambil peluang ekonomi di Malaysia.

Elemen kedua dalam aspek peluang pekerjaan setimpal pendidikan ialah, masalah terpedaya dengan kegiatan jenayah. Cerpen 'Sariyana Mudivu' membincangkan faktor yang mendorong remaja India terlibat dalam terorisme. Aspek terakhir ialah, sosioekonomi saksama. Bagi aspek ini pula 3 elemen telah dibincangkan untuk menganalisis pembangunan modal insan dalam Antologi Cerpen Peravai Kathaigal. Elemen pertama adalah masalah kesihatan. Cerpen ‘Poraadum Ennangal’ membicarakan masalah kesihatan yang dihadapi oleh kaum india di negara ini. Elemen seterusnya dalam aspek ini ialah masalah rumah setinggan. Dalam Antologi Cerpen Peravai Kathaigal, Cerpen 'Vithiyai Matrum Vithi Seivom' membincangkan elemen ini. Cerpen 'Vithiyai Matrum Vithi Seivom' ini mengisahkan masalah penempatan setinggan dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Masalah D.A.R.V.I.H (dadah, arak, rokok, vape, inhalan, hiv/aids) telah dibincangkan dalam cerpen ‘Poraadum Ennangal’. Cerpen ‘Poraadum Ennangal’ merupakan satu lagi karya yang mengisahkan masalah kehidupan masyarakat India di ladang.

Mengupas Cabaran Yang Dihadapi Oleh Masyarakat India Untuk Mencapai Objektif Pembangunan Modal Insan

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengupas cabaran masyarakat India di Malaysia untuk mencapai objektif pembangunan modal insan. Melalui empat aspek pembangunan modal insan. Pertama sekali, menurut kajian yang telah dijalankan dari segi aspek pendidikan dan kemahiran tinggi, cerpen-cerpen peravai kathaigal membincangkan dua elemen terperinci, iaitu, masalah keciciran dan peluang pendidikan tinggi. Menurut cerpen ‘Vithiyinai Matrum Vithi Seivom’ penulis menyatakan bahawa murid-murid di sekolah-sekolah Tamil yang mempunyai pencapaian akademik serta tahap motivasi yang rendah merupakan pelajar - pelajar yang paling awal tercicir dalam pendidikan mereka sekiranya dibandingkan dengan kanak-kanak yang seumur dengan mereka di sekolah-sekolah lain. Masalah kemiskinan yang dihadapi oleh pekerja ladang juga menjadi antara punca utama berlaku keciciran dalam kalangan pelajar-pelajar di ladang. Cerpen yang bertajuk 'Nalaya Iravu' itu, telah menyetengahkan cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tertier. Pada 90-an, sebelum sistem meritokrasi diamalkan, jumlah pelajar India yang mendapat tempat di IPTA (Institut Pengajian Tinggi Awam) adalah lebih kurang 8% hingga 7%. Pada tahun 1998 seramai hampir 3000 pelajar India mendapat tempat di institut-institut pengajian tinggi awam di seluruh Malaysia. Dapatan kajian menjelaskan bahawa dari segi pendidikan, masyarakat India menghadapi pelbagai cabaran untuk memperoleh peluang untuk menerusi pelajaran khususnya di tahap pengajian tinggi. Keadaan ini juga menjadi halangan bagi masyarakat india di Malaysia mencapai tujuan pembangunan modal insan setimpal, berbanding dengan kaum-kaum lain di negara ini.

Selain aspek pendidikan dan kemahiran tinggi, aspek pendapatan stabil juga telah dibincangkan secara meluas dalam antologi cerpen peravai kathaigal. Cerpen ‘Vithiyai Matrum Vithi Seivom’ yang membincangkan masalah kemiskinan berjaya memaparkan masalah kemiskinan buruh ladang. Masalah kemiskinan yang dihadapi telah memberi impak negatif yang cukup besar kepada keluarga Encik Appukutty dalam banyak perkara. Kemiskinan yang menghimpit keluarga Appukutty menyebabkan beliau tidak menjaga kakinya yang tercedera akibat kemalangan. Cerpen 'Sammuga Pullaruvigal' telah membincangkan elemen masalah penipuan. Dalam cerpen 'Sammuga Pullaruvigal' penulis cerpen mengemukakan protes terhadap anasir – anasir jahat yang tidak bertanggungjawab. Hal ini demikian kerana, kegiatan segelintir individu umpama Madhavan yang tidak bertanggungjawab ini bukan sahaja membawa kerugian wang ringgit kepada rakyat bahkan juga merusakkan taraf hidup mereka.

Dalam kajian ini juga aspek peluang pekerjaan setimpal pendidikan telah dibincangkan secara meluas. Dalam aspek ini 2 elemen terperinci telah dikupas secara keseluruhan. Dua elemen tersebut ialah masalah kemiskinan dan masalah penipuan.

KESIMPULAN

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis aspek – aspek pembangunan modal insan dan cabaran yang dihadapi masyarakat India untuk mencapai objektif pembangunan modal insan dalam cerpen – cerpen antologi Peravai Kathaigal. Dalam menganalisis cerpen yang dijadikan bahan kajian, pengkaji menggunakan teori pencerminan George Lukacs. Objektif kajian yang dirangka untuk melihat masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India telah berjaya membuktikan bahawa cerpen – cerpen antologi Peravai Kathaigal merupakan cerminan kehidupan masyarakat.

Penganalisan terhadap cerpen yang dikaji berhubung pembangunan modal insan ini meliputi masalah sosial kategori ekonomi, pendidikan, moral, politik dan sosial. Berdasarkan dapatan kajian, dapat dibuat rumusan bahawa hampir separuh daripada cerpen yang dikaji memaparkan cabaran telah dihadapi oleh masyarakat India di negara ini untuk mencapai objektif pembangunan modal insan. Hal ini menggambarkan bahawa cerpen yang dikaji merupakan hasil seni kesusasteraan yang mencerminkan kehidupan masyarakat.

RUJUKAN

- Abdullah Ahmad Badawi (2007). *Ucapan Bajet Tahun 2008. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.12-13.*
- Ismahali. (2008). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2007: Bab 5 Membangunkan Modal Insan.* Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia.* Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Krishnan Maniam. (1993). *Cerpen Tamil Dan Melayu (1957-1970). Satu Kajian Perbandingan Tema Dan Struktur.* Kuala Lumpur. DBP.
- Mohamed Idris S.M (1985). *Malaysian Consumer and Development.* Pulau Pinang. Consumer Association of Penang Publication.
- Nagappan.A. (2006). *Kambi Me:l Nadakkirarkal.* Kuala Lumpur. Siva Enterprise.
- Nagappan.A. (2007). *The: dal.* Kuala Lumpur. Siva Enterprise.
- Ramesh Kumar. (2008). *Ko Punniavaanin Sirukathai Thiran. Tanjaavor.* Universiti Tamil Tanjaavor.
- Ravindran Maraya. (2012). *Penggambaran Citra Wanita Dalam Cerpen Tamil Malaysia 1970-2010: Satu Kajian Berasaskan Teori Arketaipal.* Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Samy Vellu,S. (1997). *An Agenda for Action: Over Coming Sosial Ills a Malaysian Society, The Role of MIC.* Kuala Lumpur. MIC Pusat.
- Zulkifly Osman. (2003). *Seminar Krisis Murtad: Strategi Dakwah Kepada Masyarakat India.* Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam Malaysia. Kuala Lumpur.